

12 NOV 1999

P/Raya-Calon

HAMPIR SEPARUH CALON BN DI PERLIS DIJANGKA MUKA BARU

KANGAR, 12 Nov (Bernama) -- Hampir separuh daripada calon Barisan Nasional (BN) yang akan dicadangkan bertanding pada pilihan raya umum di Perlis terdiri daripada muka baru, kata Pengerusi BN negeri Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini.

Senarai calon terbabit terdiri daripada muka lama dan baru telah sediakan dan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin ini.

"Antara 30 dan 40 peratus daripada nama yang disenaraikan adalah muka baru," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri program Giat MARA bersama masyarakat di Kampung Seri Gelam dekat sini hari ini.

Beliau berkata mereka yang disenaraikan itu terdiri daripada mereka yang berpendidikan tinggi, berkebolehan serta mempunyai rekod yang baik dalam parti di samping komited terhadap tanggungjawab sebagai pemimpin.

Shahidan turut mengulangi keyakinannya bahawa BN akan mampu memenangi kesemua kerusi yang dipertandingan di negeri itu pada pilihan raya umum akhir bulan ini.

Perlis mempunyai 15 kerusi Dewan Undangan Negeri dan tiga kawasan Parlimen.

Mengulas tindakan Ketua Wanita Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Nell Onn yang menarik diri daripada parti yang ditubuhkan April lalu, Shahidan percaya banyak lagi yang akan berbuat demikian.

Katanya rakyat sedar bahawa hanya BN yang mampu menggerakkan pembangunan negara ini secara berkesan dan perjuangan mereka melalui parti pembangkang adalah sia-sia.

Menurut Shahidan pakatan parti-parti pembangkang yang menggelar diri mereka Barisan Alternatif juga tidak akan mencapai matlamatnya kerana keadaan yang kucar-kacir disebabkan parti-parti pendokongnya mempunyai cita-cita berbeza.

-- BERNAMA

AD LAT